



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN laksana OPS KESAN 5.0 kekang aktiviti pencatutan

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan OPS KESAN 5.0 bermula 1 Januari lepas untuk memantau dan mengekang aktiviti pencatutan.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata operasi berkenaan digerakkan sejajar dengan pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 yang turut berkuat kuasa bermula 1 Januari 2026.

Beliau berkata KPDN menggariskan lima pendekatan dalam pelaksanaan OPS KESAN 5.0 antaranya melaksanakan proses pengumpulan data harga dan caj perkhidmatan yang telah bermula pada 1 Julai 2025.

"Data ini akan dijadikan asas perbandingan harga dan caj perkhidmatan sebelum dan selepas pelaksanaan SSPA," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Azman berkata pendekatan lain ialah mengguna pakai data kutipan harga yang dilaksanakan setiap hari oleh Pegawai Pemantau Harga KPDN meliputi 316 item sebagai panduan pemantauan sebarang pergerakan harga.

Turut dilaksana adalah usaha memperkukuh kerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan penyertaan awam sejajar dengan pelaksanaan KITA GEMPUR iaitu Gerakan Membasmi Manipulasi dan Ketirisan.

"(KPDN) menetapkan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan termasuk tindakan susulan penguatkuasaan perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam dari masa aduan diterima," katanya.

Beliau berkata pendekatan lain ialah menyediakan saluran aduan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat dan aduan

kepada pihak Kementerian melalui saluran disediakan.

Antara saluran itu ialah WhatsApp 019-848 8000; Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>; pusat panggilan 1-800-886-800 dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

Azman berkata pelaksanaan OPS KESAN 5.0 diharapkan dapat mengesan mana-mana pihak yang membuat peningkatan harga dengan tujuan mengaut keuntungan yang berlebihan, sekali gus mengekang aktiviti pencatutan ekoran pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui SSPA Fasa 2 yang telah berkuat kuasa.

Beliau berkata peniaga individu yang disabitkan kesalahan melakukan pencatutan boleh didenda sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara, atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat adalah denda sehingga RM500,000, jika disabitkan kesalahan. — Bernama

Ops Kesan 5.0 to curb profiteering: KPDN

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has launched Ops Kesan 5.0 on Jan 1 to monitor and curb profiteering activities, following the implementation of the civil service salary adjustment under Phase 2 of the Public Service Remuneration System (SSPA).

KPDN Enforcement Director-General Datuk Azman Adam said the operation is expected to expose any parties that increase prices with the intention of reaping excessive profits.

"This will, in turn, curb profiteering activities as those found guilty may be fined up to RM100,000 or jailed for up to three years, or both, while companies may be fined up to RM500,000 upon conviction," he said in a statement.

He revealed that the operation relies on five approaches, the first being the implementation of a price and service charge data collection process that began on July 1 last year.

"This data will be used as the basis for comparing prices and service charges before and after the SSPA implementation, while daily price collection data of 316 items compiled by the Min-

istry's price monitoring officers will be used as a reference to monitor any price movements," he added.

The third approach is to strengthen cooperation with relevant government agencies and to encourage public participation, in line with the implementation of Kita Gempur, a movement to eradicate manipulation and leakages, Azman said.

The fourth approach is the setting of standard operating procedures for the management of complaints related to charges, prices and supply, as well as enforcement follow-up actions, which must be carried out within 24 hours from the time a complaint is received.

The fifth and final approach is to provide complaint channels to enable the public to submit any information or complaints to the ministry through the available platforms.

The channels are as follows - WhatsApp 019-848 8000; the KPDN e-Complaint Portal at <http://caduan.kpdn.gov.my>; the Call Centre at 1-800-886-800; and the Ez ADU KPDN mobile application.

Consumers hail more frequent MADANI Rahmah Sales

MELAKA: The move to hold MADANI Rahmah Sales three times a month in every state constituency, beginning this Friday, is viewed as direct, tangible support for households managing the rising cost of living.

Carpenter Mohamad Rizal Husin, 45, said his family eagerly anticipates the programme each month, as it provides essential goods like chicken at significantly lower prices.

"Chicken is sold at RM10, compared to the tens of ringgit at regular markets. Even with a limit of three per buyer, it still helps me save a lot," he explained.

Rizal added that the programme, typically held at the end of the month in the Telaga Hang Tuah bus parking area, consistently draws large crowds.

Echoing this sentiment, Ahmad Jaafar, 59, from Bukit Duyong, said he is a regular weekend visitor to the sales at the same location, and takes the

opportunity to stock up for his family.

"It usually starts at 8.30 am. Vegetables, rice, eggs and chicken sell out within four hours. Many people turn up to buy necessities, and it can become crowded, especially during festive seasons," said Ahmad, who works as a labourer.

Meanwhile, Duyong assemblyman Datuk Mohd Noor Helmy Abdul Halem reported that the MADANI Rahmah Sales Programme generated over RM3 million in sales within his constituency last year.

"The programme was organised with a subsidy of approximately RM1.6 million, and it has been warmly received by residents, whether held as a mobile initiative or at supermarkets.

"I fully support the Prime Minister's announcement to increase its frequency to three times per month, as this will significantly help families reduce their living expenses," he said.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced the expansion of the MADANI Rahmah Sales programme on Monday during his address at the Prime Minister's Department monthly assembly and the 2026 New Year Address in Putrajaya.

He said the programme, set to begin on Jan 9, will now be conducted three times a month in every state constituency.

Nationwide, this will translate to over 23,000 sales events, covering 600 state constituencies and 40 locations in the Federal Territories, to ensure essential goods are available at below-market prices.

Launched on Jan 11, 2023, the programme is a key initiative under the Payung RAHMAH framework, managed by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

It offers savings of 10 to 30 per cent on selected daily necessities. Previously, the sales were held at least twice a month. — Bernama

KPDN Sarawak issues four notices over school essentials prices

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak has issued four notices to several business premises across the state as of Jan 5, in conjunction with the Jualan Rahmah Madani programme and Ops Kesan 5.0 Back to School.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the notices involved 17 types of school essentials, including uniforms and school supplies.

"KPDN will be carrying out investigations into the four notices that have been issued," he said when met after a walkabout

at a supermarket along Jalan Pujut here.

He added that any trader found to have arbitrarily increased prices may face action under Section 14(1) of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

Upon conviction, an individual may be fined up to RM100,000 or jailed for a term not exceeding three years, or both.

"For a second or subsequent offence, the fine may reach RM250,000 or imprisonment of up to five years, or both. Companies may be fined up to RM500,000, and up to RM1 million for a

second or subsequent offence," he said.

On the Jualan Rahmah Back to School programme, Matthew said it has been implemented statewide since Dec 1, offering discounts of between 10 per cent and 30 per cent on school uniforms and supplies.

According to him, the programme is aimed at easing the financial burden on parents while helping students obtain school necessities at more affordable prices.

"At this premises, we found more than 56 items, including

uniforms and stationery, being sold at discounted prices," he said.

He advised business operators not to take excessive profits but instead to conduct their businesses responsibly and foster a win-win situation between traders and consumers.

Matthew also urged consumers to be more prudent in making their purchases.

"Any complaints can be lodged with KPDN at any of our branches, via WhatsApp on 019-848 8000, or by email to e-aduan@kpdn.gov.my," he said.



Matthew (left) speaks with a mother purchasing school necessities at the supermarket during his walkabout.

KPDN Sarawak issues four notices over school essentials prices

Jenifer Laeng

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak has issued four notices to several business premises across the state as of Jan 5, in conjunction with the Jualan Rahmah Madani programme and Ops Kesan 5.0 Back to School.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the notices involved 17 types of school essentials, including uniforms and school supplies.

"KPDN will be carrying out investigations into the four

notices that have been issued," he said when met after a walkabout at a supermarket along Jalan Pujut here.

He added that any trader found to have arbitrarily increased prices may face action under Section 14(1) of the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011.

Upon conviction, an individual may be fined up to RM100,000 or jailed for a term not exceeding three years, or both.

"For a second or subsequent offence, the fine may reach RM250,000 or imprisonment of up to five years, or both. Companies

may be fined up to RM500,000, and up to RM1 million for a second or subsequent offence," he said.

On the Jualan Rahmah Back to School programme, Matthew said it has been implemented statewide since Dec 1, offering discounts of between 10 per cent and 30 per cent on school uniforms and supplies.

According to him, the programme is aimed at easing the financial burden on parents while helping students obtain school necessities at more affordable prices.

"At this premises, we found

more than 56 items, including uniforms and stationery, being sold at discounted prices," he said.

He advised business operators not to take excessive profits but instead to conduct their businesses responsibly and foster a win-win situation between traders and consumers.

Matthew also urged consumers to be more prudent in making their purchases.

"Any complaints can be lodged with KPDN at any of our branches, via WhatsApp on 019-848 8000, or by email to e-aduan@kpdn.gov.my," he said.

KPDN Sarawak tegas lindungi pengguna

Oleh Rosemaria Buma

MIRI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak telah mengeluarkan empat Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) kepada peniaga selepas mengesan kes kenaikan harga barangan sekolah yang disyaki tidak munasabah sepanjang pelaksanaan Ops Kesan Back to School.

Pengarahnya Matthew Dominic Barin berkata, empat NPMB itu melibatkan 17 jenis barangan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Setakat 5 Januari, sebanyak empat NPMB telah dikeluarkan dengan fokus kepada barangan kelengkapan persekolahan seperti pakaian seragam dan peralatan sekolah."

"Mekanisme pencatutan diambil kira bagi mengelakkan peniaga daripada mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa mengadakan tinjauan sempena Program Jualan Rahmah Madani dan Ops Kesan 5.0 Back To School di pasar raya Everwin Pujut di sini, semalam.

Sehubungan itu, Matthew menegaskan mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga sewenang-wenangnya boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 14 (1) AKHAP 2011, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, bagi kesalahan yang dilakukan individu.



TURUN PADANG: Matthew mengadakan tinjauan sempena Program Jualan Rahmah MADANI dan Ops Kesan 5.0 Back To School di pasar raya Everwin Pujut, Miri semalam sambil diiringi Penolong Pegawai Penguat Kuasa Sudirman Sopian dari pejabat KPDN Miri (kiri) serta kakitangan pasar raya terbabit.

● Keluar empat NPMB kepada peniaga selepas kesan kes kenaikan harga barangan sekolah disyaki tidak munasabah sepanjang Ops Kesan Back to School.

Manakala bagi kesalahan yang dilakukan oleh pihak syarikat, denda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan pertama dan RM1 juta bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya.

Menurut beliau, Ops Kesan Back to School yang bermula pada 5 Januari dijalankan serentak dengan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) Back to School bagi memastikan

peniaga mematuhi peraturan harga menjelang pembukaan sesi persekolahan.

✦ **Utusan Muka 2**

KPDN Sarawak tegas lindungi pengguna

➤ **Dari Muka 1**

"PJRM Back to School menawarkan diskam antara 10 hingga 30 peratus bagi barangan dan peralatan sekolah untuk membantumeringankan beban ibu bapa dan pelajar."

"Program di Everwin Pujut di sini dilaksanakan pada 5 dan 6 Januari dengan menawarkan lebih 56 jenis barangan termasuk pakaian seragam, peralatan sekolah dan alat tulis pada harga rendah," jelasnya.

Pelaksanaan PJRM Back to School di Sarawak melibatkan kesemua 82 kawasan Dewan

Undangan Negeri (DUN), dengan sasaran sekurang-kurangnya satu program di setiap DUN dari 1 Disember 2025 hingga 11 Januari 2026.

Setakat ini, sebanyak 87 program PJRM Back to School telah dilaksanakan di seluruh Sarawak manakala di bahagian Miri, tujuh program dirancang dengan lima telah dilaksanakan setakat ini.

Beliau turut mengesakan ramai agar menjadi pengguna yang bijak dan menyalurkan sebarang aduan berkaitan harga barangan kepada Kementerian itu melalui saluran rasmi yang disediakan.

MIRI: The Sarawak branch of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) continues to intensify efforts to help ease the cost-of-living burden on the public through the implementation of the Madani Rahmah Sales Programme (PJRM) and OPS KESAN 5.0 Back to School, ahead of the opening of the new school term.

Director of KPDN Sarawak, Matthew Dominic Barin said the PJRM Back to School programme at the premises, which ran from January 5 and concluded today, offered discounts ranging from 10 to 30 per cent on more than 56 school-related items, including uniforms, stationery, and other school supplies.

"The PJRM Back to School programme implemented by KPDN Sarawak from December 1, 2025 to January 11, 2026 is a targeted government initiative to address rising living costs, particularly in helping parents and students obtain school necessities at more affordable prices," he said during a walkabout and price monitoring exercise at Everwin Supermarket, Jalan Pujut 7, here on Tuesday.

Matthew said to date, a total of 87 Jualan Rahmah Back to School programmes have been carried out across Sarawak, with five out of seven divisional-level sales successfully implemented, reflecting the government's



MATTHEW (second left) inspects back-to-school items on sale during the walkabout

continued commitment to safeguarding the welfare of the people.

At the same time, Matthew said KPDN Sarawak has strengthened enforcement through OPS KESAN 5.0 Back to School, conducted

from January 5 to 11, 2026, at all urban and rural business premises throughout the state.

The operation was carried out under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 to ensure that traders did not

unreasonably increase prices of school-related items.

"As of January 5, 2026, inspections found that four Notices for Verification of Information on Goods (NPMB) were issued involving 17 types of school

supplies, including uniforms and equipment, and all cases are currently under investigation," he said.

Matthew stressed that traders found guilty may face stern action under Section 14(1) of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, including fines of up to RM100,000 or imprisonment of up to three years, or both, for individuals whereas companies may be fined up to RM500,000 and up to RM1 million for repeat offences.

As such, he urged all traders to conduct their businesses ethically and responsibly to create a win-win situation for both traders and consumers, while encouraging the public to be smart consumers and to channel information or complaints on trader misconduct to KPDN.

Complaints can be submitted via WhatsApp at 019-848 8000, email at e-aduan@kpdn.gov.my, the hotline 1-800-886-800, or through the Ez ADU KPDN application.

KPDN Kapit holding Jan 8-10 Madani Rahmah back-to-school sale

KAPIT: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Kapit branch office is organising a three-day Madani Rahmah back-to-school sale at Kitai Mart in Bletih.

KPDN Kapit chief enforcement officer Hazim Jaafar said the Jan 8-10 event will run from 9am to 5pm on each day.

"The programme is one of the federal government's initiative to lessen the financial burden of

parents ahead of the reopening of schools on Jan 12," he said.

Among the list of items on sale are school uniforms, shoes, bags and stationery, as well as non-school items such as pillows, bedsheets, blankets, towels, buckets, cloth hangers and alarm clocks.

Hazim said KPDN had previously held similar Madani Rahmah sales in Belaga and Song bazaars, and Sungai Koyan Resettlement Scheme.



Handout photo shows shoppers at the Madani Rahmah sale in Belaga bazaar.

Remaja 'kutip' petrol RON95, jual di Thailand

KANGAR – Kegiatan seorang remaja lelaki yang dipercayai 'mengutip' petrol di stesen minyak sekitar Padang Besar sebelum menjual bahan api itu di negara jiran berakhir selepas dia ditahan pihak berkuasa kelmarin.

Suspek yang berusia 17 tahun itu diberkas anggota penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis di sebuah stesen minyak di daerah tersebut.

Pengarah Pejabat KPDN Perlis, Rohaida Hassan berkata, tangkapan itu dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah kereta jenis Proton Wira yang dinaiki suspek kerana disyaki mempunyai tangki yang diubah suai.

Katanya, risikan selama dua minggu itu mengesyaki suspek membuat pembelian petrol di stesen minyak sekitar Padang Besar untuk diselewengkan.

"Pemeriksaan awal ke atas kereta itu menjumpai tangki yang diubah suai berisi cecair

“

Pemeriksaan awal ke atas kereta itu menjumpai tangki yang diubah suai berisi cecair dipercayai petrol. Dianggarkan terdapat 100 liter petrol di dalam tangki itu yang bernilai RM265.”

dipercayai petrol. Dianggarkan terdapat 100 liter petrol di dalam tangki itu yang bernilai RM265,” katanya di sini semalam.

Difahamkan, modus operandi remaja itu adalah membeli petrol di stesen-stesen minyak di Padang Besar sebelum menjualnya kepada pihak ketiga di Thailand. Suspek disyaki membeli petrol RON95 pada harga biasa, bukannya di bawah Budi Madani RON95 (Budi95). Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.



SUSPEK ditahan ketika menaiki kereta Proton Wira yang diubah suai tangki di Padang Besar baru-baru ini.



Chin at the Sessions Court in Ipoh on Tuesday. — Bernama photo

Transport company owner fined RM15,000 for possessing diesel in excess of permitted quantity

IPOH: A transport company owner was fined RM15,000 by the Sessions Court on Tuesday after pleading guilty to possessing diesel oil in excess of the permitted quantity.

Judge Ainul Shahrin Mohamad meted out the fine, in default eight months in jail, on Chin Wei Sin Vincent, 47.

The court also ordered that the proceeds from the sale of the oil and all confiscated goods be forfeited to the Malaysian government through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and the lorry be returned to the owner.

Chin, who is the sole owner of the company holding a scheduled controlled goods permit, was found to have failed to comply with the conditions stated in the scheduled controlled goods permit, namely possessing 5,940

litres of diesel, which is in excess of the permitted quantity of 2,000 litres.

The offence was committed at the premises of Vincent Chin Enterprise, Pt 10014, Lot 302243, Jalan Johan 2/11, Pengkalan 2 Industrial Estate, Pusing in the Batu Gajah district at 9 am on March 8, 2024.

The charge was brought under Regulation 21(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 and is punishable under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961, which provides a fine of up to RM1 million or a maximum imprisonment of three years or both, upon conviction.

Deputy Public Prosecutor Mohamad Nazreen Zabrudin and Perak KPDN Prosecuting Officer N. Shamani appeared for the prosecution, while Chin was unrepresented. — Bernama

Pemilik syarikat pengangkutan didenda RM15,000 miliki diesel lebih had

IPOH: Seorang pemilik syarikat pengangkutan didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah memiliki minyak diesel melebihi kuantiti dibenarkan.

Hakim Ainul Shahrin Mohamad menjatuhkan hukuman itu terhadap orang kena saman (OKS) Chin Wei Sin Vincent, 47, serta memerintahkan dia dipenjarakan lapan bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mahkamah juga memerintahkan wang hasil jualan minyak dan semua barang rampasan dilucutkan hak kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan lori dipulangkan semula kepada pemilik asal.

Mengikut pertuduhan, Chin yang merupakan pemilik tunggal syarikat itu memegang permit barang kawalan berjadual didapati telah gagal mematuhi syarat dinyatakan dalam permit tersebut iaitu memiliki barang kawalan berjadual minyak diesel sebanyak 5,940 liter melebihi kuantiti yang dibenarkan iaitu 2,000 liter.

Kesalahan itu dilakukan di dalam premis Vincent Chin Enterprise, Pt 10014, Lot 302243, Jalan Johan 2/11, Kawasan Perindustrian Pengkalan 2, Pusing dalam daerah Batu Gajah



MENGAKU SALAH: Seorang pemilik syarikat pengangkutan didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di Ipoh semalam selepas mengaku bersalah memiliki minyak diesel melebihi kuantiti dibenarkan. — Gambar Bernama

pada 9 pagi 8 Mac 2024.

Pertuduhan dikemukakan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961, yang memperuntukkan denda sehingga RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Nazreen Zabarudin dan Pegawai Pendakwa

KPDN Perak N Shamani memohon denda RM15,000 serta wang hasil jualan berjumlah RM17,701.20, empat tangki IBC dan dua pam penyedut minyak dilucutkan hak kepada kerajaan Malaysia serta lori dipulangkan kepada pemilik asal.

OKS yang tidak diwakili peguam merayu agar mahkamah mengurangkan jumlah denda kerana dia merupakan penyara utama keluarga. — Bernama

內貿部監控市場 防商家抬高物價

(布城6日讯) 国内贸易及生活成本部总监拿督阿兹曼指出，该部自1月1日起实施“OPS KESAN 5.0”，重点是监控市场动态，防止商家以不当手段抬高物价。

他发表文告指出，此次行动是配合公共服务薪酬制度(SSPA)第二阶段的薪资调整同步展开，该调整已于今年1月1日起生效。

他透露，该部在执行“OPS KESAN 5.0”时，采取了5项主要措施，其中包括自2025年7月1日起，开始进行商品价格与服务收费的数据收集工作。

他指出，这些数据将作为公共服务薪酬制度实施前后，商品价格与服务收费的比较依据。

阿兹曼说，另一项措施是采用该部价格监察官每日收集的价格数据，该价格数据涵盖316项商品和服务，以作为监控价格变动的参考指引。

他指出，该部也加强与相关政府部门的合作，并鼓励民众参与配合“KITA GEMPUR”行动，共同打击操纵价格与补贴漏洞。

他透露，该部制定关于价格、收费及供应相关投诉的标准作业程序，包括接获投诉后24小时内必须展开后续执法行动。

投诉管道包括WhatsApp: 019-848 8000、电子投诉平台(e-Aduan Portal): <http://eaduan.kpdn.gov.my>、客服热线: 1-800-886-800与手机應用程式: Ez ADU KPDN。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KKM haramkan penjualan vape sistem terbuka tahun ini

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka melaksanakan pengharaman penjualan rokok elektronik atau vape sistem terbuka bermula tahun ini bagi mengekang isu penyalahgunaan bahan terlarang yang semakin berleluasa.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu bertujuan menghalang penyalahgunaan cecair vape yang mengandungi bahan sintetik berbahaya, termasuk dadah.

Katanya, cadangan pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan vape akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

"Selepas dimuktamadkan, ia akan dibentangkan di Parlimen dan sekiranya diluluskan, pengharaman dijangka dilaksanakan pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perjumpaan dan Amanat Tahun Baharu 2026 bersama warga KKM di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan Dr Dzulkefly berkata pelaksanaan itu akan dibuat secara berperingkat, bermula dengan pengharaman vape sistem terbuka sebelum diperluaskan kepada semua jenis vape sehingga merangkumi keseluruhan produk.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan tempoh yang ditetapkan bagi pelaksanaan



Dr Dzulkefly beramah mesra bersama kakitangan KKM pada Majlis Perjumpaan dan Amanat Tahun Baharu 2026 bersama warga KKM di Putrajaya, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

pengharaman sepenuhnya rokok elektronik atau vape.

Sebagai langkah awal, katanya, KKM sudah mengadakan perbincangan terperinci dengan beberapa kementerian dan jabatan berkaitan.

"Ia membabitkan Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri menerusi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Lembaga Pembangunan

Pelaburan Malaysia serta Pejabat Penasihat Undang-undang," katanya.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, sebanyak 125,417 kes daripada 163,709 panggilan yang diterima Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental (Talian Heal) membabitkan kecenderungan bunuh diri.

Statistik itu direkodkan dari 21 Oktober 2022 sehingga penghujung Disember 2025, yang mana 70 peratus klien menerima sokongan emosi manakala 38,292 (23 peratus) diberikan in-

tervensi oleh pegawai psikologi dan kaunseling.

Katanya, talian sokongan kesihatan mental Heal 15555 merekodkan peningkatan ketara jumlah panggilan, sekali gus mencerminkan kesedaran awam yang semakin tinggi terhadap kepentingan mendapatkan bantuan emosi dan psikologi.

"Daripada jumlah ini, 451 kes krisis tingkah laku membabitkan idea dan cubaan bunuh diri telah dikendalikan.

"Sebanyak 294 kes idea

bunuh diri diberi intervensi, manakala 157 kes cubaan bunuh diri dirujuk melalui MERS999 dengan kerjasama polis dan Jabatan Kecemasan untuk rawatan lanjut di hospital. Kesemua cubaan bunuh diri terbahagi berjaya diselamatkan," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, secara purata, talian Heal menerima kira-kira 80 panggilan sehari dengan trend peningkatan konsisten setiap tahun.

Pada 2023, sebanyak 27,738 panggilan direkodkan, meningkat kepada 42,990 panggilan pada 2024, dan melonjak hampir dua kali ganda kepada 90,941 panggilan sepanjang 2025.

"Peningkatan ini tidak semestinya menunjukkan keadaan kesihatan mental rakyat semakin merosot, sebaliknya mencerminkan tahap kesedaran yang lebih tinggi serta perubahan tingkah laku masyarakat untuk mendapatkan bantuan," katanya.

Beliau berkata, majoriti pemanggil berasal daripada kumpulan usia produktif 18 hingga 35 tahun, satu trend yang membimbangkan dan memerlukan perhatian serius.

"Sehubungan itu, penekanan terhadap intervensi awal dan bantuan berterusan kepada golongan muda perlu diperkukuh bagi menangani cabaran kesihatan mental secara menyeluruh," katanya.

KKM CADANG HARAM VAPE SISTEM TERBUKA TAHUN INI

Kekang salah guna cecair sintetik

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dijangka melaksanakan pengharaman penjualan rokok elektronik atau vape sistem terbuka bermula tahun ini bagi mengekang isu itu terus berleluasa.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia bertujuan mengekang penyalahgunaan cecair yang mengandungi bahan sintetik dalam vape berkenaan seperti dadah.

Katanya, cadangan pengharaman sepenuhnya penggunaan dan penjualan vape itu akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

"Selepas dimuktamadkan ia akan dibentangkan di Parlimen dan selepas diluluskan pengharamannya

"Selepas dimuktamadkan ia akan dibentangkan di Parlimen dan selepas diluluskan pengharamannya dijangka dilaksanakan tahun ini"

Dr Dzulkefly

dijangka dilaksanakan tahun ini," katanya selepas menghadiri Majlis Perjumpaan dan Amanat Tahun Baru 2026 Bersama Warga Kementerian Kesihatan di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan Dr Dzulkefly berkata, pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat, bermula dengan pengharaman sistem terbuka sebelum diperluas kepada semua jenis vape sehingga meliputi keseluruhan produk.



DR Dzulkefly beramah pada sidang media selepas Majlis Perjumpaan dan Amanat Tahun Baru 2026 Bersama Warga Kementerian Kesihatan. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

Beliau bagaimanapun tidak memperincikan had masa ditetapkan bagi pelaksanaan pengharaman sepenuhnya penjualan vape.

Sebagai langkah awal, katanya, KKM sudah mengadakan perbincangan terperinci bersama kementerian dan jabatan utama.

"Ini membabitkan Ke-

menterian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Mala-

aysia (PDRM), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Pejabat Penasihat Undang-undang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 JANUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Jan	KPDN Laksana Ops Kesan 5.0 Kekang Pencatutan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2509400	BERNAMA
7-Jan	KPDN laksana Ops Kesan 5.0 kekang pencatutan	https://www.utusanborneo.com.my/2026/01/06/kpdn-laksana-ops-kesan-50-kekang-	UTUSAN BORNEO
7-Jan	Ops Kesan 5.0 terus kekang aktiviti pencatutan – KPDN	https://malaysiagazette.com/2026/01/06/ops-kesan-5-0-terus-kekang-	MALAYSIA GAZETTE
7-Jan	KPDN Rolls Out Ops Kesan 5.0 To Curb Profiteering Activities	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2509452	BERNAMA
7-Jan	OP KESAN 5.0: Pantau dan kekang pencatutan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/op-kesan-5-0-pantau-dan-kekang-pencatutan	RTM
7-Jan	KPDN Rolls Out Ops Kesan 5.0 To Curb Profiteering Activities	https://uniteddaily.my/en/efd6f8ee-4dcd-4722-8163-fe94149fed79/kpdn-rolls-out-ops-kesan-50-to-curb-profiteering-activities	UNITED DAILY
7-Jan	Ops Kesan: Empat kes naik harga barangan sekolah di Sarawak	tvsarawak.my/2026/01/06/ops-kesan-empat-kes-naik-harga-barangan-sekolah-di-sarawak/	TVS
7-Jan	Jualan Rahmah diperhebat, harga kelengkapan sekolah dipantau	https://themalaysiapress.com/jualan-rahmah-diperhebat-harga-kelengkapan-sekolah-dipantau/	THE MALAYSIA PRESS
7-Jan	KPDN Sarawak pantau harga barangan persekolahan	https://utusanarawak.com.my/kpdn-sarawak-pantau-harga-barangan-persekolahan/	UTUSAN SARAWAK

7-Jan	KPDN Sarawak Keluarkan Empat Notis, 17 Barangan Sekolah Disiasat	https://suarasarawak.my/kpdn-sarawak-keluarkan-empat-notis-17-barangan-sekolah-disiasat/	SUARA SARAWAK
7-Jan	KPDN lancar Ops Kesan 5.0 pantau kenaikan harga	https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-lancar-ops-kesan-5-0-pantau-kenaikan-harga/	THE SUN
7-Jan	50 Siri PJRM KKS di Pahang Ringankan Beban Ibu Bapa	https://malaysiaaktif.my/2026/01/50-siri-pjrm-kks-di-pahang-ringankan-beban-ibu-bapa/	MALAYSIA AKTIF
7-Jan	Kekerapan program Jualan Rahmah MADANI bantu rakyat berbelanja	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/01/1493082/kekerapan-program-jualan-rahmah-madani-bantu-rakyat-berbelanja	BERITA HARIAN
7-Jan	Kekerapan Program Jualan Rahmah MADANI bantu rakyat berbelanja	https://www.utusanborneo.com.my/2026/01/06/kekerapan-program-jualan-rahmah-madani-bantu-rakyat-berbelanja	UTUSAN BORNEO
7-Jan	Madani Rahmah sales to be held three times monthly in every constituency	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/madani-rahmah-sales-to-be-held-three-times-monthly-in-every-constituency/	THE SUN
7-Jan	Kos sara hidup terus jadi kebimbangan utama rakyat walaupun kepuasan terhadap Kerajaan Madani meningkat - Kajian Institut MASA	https://www.dagangnews.com/article/terkini/kos-sara-hidup-terus-jadi-kebimbangan-utama-rakyat-walaupun-kepuasan-terhadap-kerajaan-madani-meningkat-kajian-institut-masa-63304	DAGANG NEWS

7-Jan	Kos sara hidup kekal ke- imbangan utama rakyat - Institut MASA	https:// www.sinarharian.com.my/ article/763016/berita/nasional/ kos-sara-hidup-kekal- keimbangan-utama-rakyat---	SINAR HARIAN
7-Jan	Kenderaan nombor pen- daftar asing isi RON97 - KPDN	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita- nasional/senarai-artikel/ kenderaan-nombor- pendaftaran-asing-isi-ron97 -kpdn	RTM
7-Jan	CCTV sahkan kereta asing isi RON97, bukan RON95	https:// www.kosmo.com.my/2026/ 01/06/cctv-sahkan-kereta- asing-isi-ron97-bukan- ron95/	KOSMO
7-Jan	Kenderaan asing mirip nom- bor plat tempatan dikesan cuba isi RON95	https:// www.sinarharian.com.my/ article/762976/berita/ semasa/kenderaan-asing- mirip-nombor-plat-tempatan -dikesan-cuba-isi-ron95	SINAR HARIAN
7-Jan	Dakwaan tular kereta plat asing isi RON95 di Kedah tidak benar	https:// malaysiatribune.news/ jenayah-mahkamah/ dakwaan-tular-kereta-plet- asing-isi-ron95-di-kedah- tidak-benar/	MALAYSIA TRIBUNE
7-Jan	KPDN siasat dakwaan ken- deraan asing isi RON95 di Changlun	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kpdn-siasat- dakwaan-kenderaan-asing- isi-ron95-di-changlun- 554354	ASTRO AWANI
7-Jan	Pemilik syarikat didenda RM15,000 miliki diesel melebihi had	https://thesun.my/berita/ tempatan/pemilik-syarikat- didenda-rm15000-miliki- diesel-melebihi-had/	THE SUN

7-Jan	Pemilik Syarikat Pengangkutan Didenda RM15,000 Miliki Diesel Lebih Had	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2509240	BERNAMA
7-Jan	Batu Gajah transport firm owner fined RM15,000 for holding excess diesel	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/01/06/batu-gajah-transport-firm-owner-fined-rm15000-for-holding-excess-diesel/204468	MALAYMAIL
7-Jan	Transport Company Owner Fined RM15,000 For Possessing Diesel In Excess Of Permitted Quantity	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2509241	BERNAMA
7-Jan	KPDN Perlis Tumpaskan Penyelewengan Minyak Petrol di Padang Besar	https://malaysiaaktif.my/2026/01/kpdn-perlis-tumpaskan-penyelewengan-minyak-petrol-di	MALAYSIA AKTIF
7-Jan	Kenderaan nombor pendaftaran asing isi RON97 - KPDN	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kenderaan-nombor-pendaftaran-asing-isi-ron97-kpdn	RTM